



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Pilihanraya (Pindaan) 1986
DR.7/1986

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1958.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pilihanraya (Pindaan) 1986. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 2 Akta Pilihanraya 1958, yang dalam Akta ini disebut sebagai “Akta ibu”, adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja takrif “pemilih Parlimen”, takrif baru yang berikut :
“Setiausaha” ertinya Setiausaha kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang dilantik di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 3; Pindaan seksyen 2, Akta 19.
3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 3 dengan yang berikut : Penggantian seksyen 3.
“Perlantikan pegawai. 3. Tertakluk kepada Perkara 115 (1) Perlembagaan, Suruhanjaya Pilihanraya boleh melantik—
(a) seorang Setiausaha dan seorang Timbalan Setiausaha dan beberapa orang Penolong Setiausaha kepada Suruhanjaya Pilihanraya sebagaimana difikirkan perlu oleh Suruhanjaya;

- (b) seorang Pegawai Pilihanraya Negeri dan beberapa orang Timbalan Pegawai Pilihanraya Negeri sebagaimana difikirkan perlu oleh Suruhanjaya bagi tiap-tiap satu Negeri; dan
- (c) seorang pegawai pengurus dan beberapa orang penolong pegawai pengurus sebagaimana difikirkan perlu oleh Suruhanjaya bagi tiap-tiap satu bahagian pilihanraya.”.

Seksyen
baru 3A.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 3, seksyen baru 3A yang berikut :

“Kuasa dan
tugas am
Setiausaha,
Timbalan
Setiausaha
dan
Penolong
Setiausaha.

3A. (1) Setiausaha hendaklah menjadi ketua pegawai pentadbir Suruhanjaya Pilihanraya, tertakluk pada setiap masa dan dalam segala perkara kepada penyeliaan, arahan dan kawalan Suruhanjaya, dan hendaklah—

- (a) melaksanakan keputusan-keputusan Suruhanjaya;
- (b) menjalankan pentadbiran hari ke hari pejabat-pejabat Suruhanjaya, dan menjalankan penyeliaan, arahan dan kawalan ke atas semua pegawai pilihanraya yang lain, dan semua pegawai Suruhanjaya yang lain;
- (c) menjalankan apa-apa fungsi sebagaimana yang diberi kepadanya oleh Suruhanjaya dalam atau bagi menjalankan kuasa-kuasa atau tugas-tugasnya berhubungan dengan ulangkaji atau persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya, pendaftaran pemilih, perjalanan pilihanraya dan perkara-perkara lain;
- (d) mempunyai kuasa untuk menanda bagi pihak Suruhanjaya segala writ, notis dan lain-lain dokumen Suruhanjaya, segala perundangan subsidiari yang dibuat oleh Suruhanjaya, dan segala perbuatan lain oleh Suruhanjaya; dan

- (e) mempunyai lain-lain kuasa dan tugas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(2) Timbalan Setiausaha hendaklah, tertakluk kepada arahan dan kawalan Setiausaha, mempunyai segala kuasa dan boleh menjalankan segala tugas Setiausaha di bawah Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan hendaklah, semasa Setiausaha tidak ada, bertindak sebagai Setiausaha.

(3) Penolong Setiausaha hendaklah, tertakluk kepada arahan dan kawalan Setiausaha dan Timbalan Setiausaha, membantu Setiausaha dan Timbalan Setiausaha dalam menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas mereka.”.

5. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 4.

- (a) dengan memotong perkataan “am” dalam seksyen-kecil (1), (2) dan (3); dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen-kecil (2), seksyen-kecil baru (2A) yang berikut:
- “(2A) Pegawai pengurus hendaklah, beresama dengan semua pegawai pilihanraya yang lain, tertakluk kepada kawalan, penyeliaan dan arahan Suruhanjaya Pilihanraya sebagaimana diperuntukkan dalam perenggan (a) dan (b) seksyen-kecil (1) seksyen 5.”.

6. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 5.

- (a) dengan memotong perkataan “am” dan “pentadbiran” dalam perenggan (a) seksyen-kecil (1); dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “Akta ini” dalam perenggan (c) seksyen-kecil (1), perkataan-perkataan “atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya”.

Pindaan
seksyen 8.

7. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “di Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak” dalam seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “jika perlu”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “arahan dan penyeliaan am” dalam seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan “kawalan dan penyeliaan”;
- (c) dengan memotong perkataan “am” dalam seksyen-kecil (3) dan (4); dan
- (d) dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen-kecil (3), seksyen-kecil baru (3A) yang berikut:
“(3A) Pegawai pendaftaran hendaklah, bersesama dengan semua pegawai pilihanraya yang lain, tertakluk kepada kawalan, penyeliaan dan arahan Suruhanjaya Pilihanraya sebagaimana diperuntukkan dalam perenggan (a) dan (b) seksyen-kecil (1) seksyen 5.”.

Pindaan
seksyen 12.

8. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “ditetapkan” dalam seksyen-kecil (2), perkataan-perkataan “dan hendaklah dikembalikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya dengan cara yang ditetapkan”; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “disahkan berlaku” dalam seksyen-kecil (3), perkataan-perkataan “oleh Suruhanjaya Pilihanraya”.

Pindaan
seksyen 14.

9. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “Malaysia” dalam seksyen-kecil (1), perkataan-perkataan “, atau mana-mana bangunan atau premis awam yang lain atau mana-mana bahagiannya”;
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “sekolah” dalam seksyen-kecil (2), perkataan-perkataan “, bangunan atau premis”; dan

- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “sekolah” dalam nota birai, perkataan-perkataan “dan bangunan dan premis awam,”.

10. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “lima puluh” dalam perenggan (f) seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan “dua ratus”.

Pindaan
seksyen 15.

11. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 16.

- (a) dengan menggantikan perkataan “seribu” dalam perenggan (d) seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan “lima ribu”; dan

- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen kecil (2), seksyen-kecil baru (3) yang berikut:

“(3) Dengan tidak menyentuh
Akta 13. seksyen 2 Akta Akuan Berkanun 1960, jika mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini menghendaki seseorang itu membuat sesuatu akuan berkanun berkaitan dengan atau bagi maksud penamaan orang itu sebagai seorang calon, maka adalah sah bagi—

- (a) Pegawai Pilihanraya Negeri bagi Negeri di mana terletaknya bahagian pilihanraya yang baginya orang itu hendak dipilih; atau

- (b) pegawai pengurus bagi bahagian pilihanraya yang baginya orang itu hendak dipilih,

mengambil dan menerima akuan itu, dan sesuatu akuan yang diambil dan diterima oleh mana-mana pegawai tersebut menurut seksyen-kecil ini hendaklah disifatkan sebagai suatu akuan yang dibuat menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat berbagai pindaan kepada Akta Pilihanraya 1958.

2. Seksyen 3 Akta memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk melantik pegawai-pegawai bagi menjalankan pilihanraya. Adalah dicadangkan membuat peruntukan bagi perlantikan seorang Setiausaha kepada Suruhanjaya, seorang Timbalan Setiausaha dan beberapa orang Penolong Setiausaha, yang mana tidak ada peruntukan pada masa ini. Adalah juga dicadangkan memberi kuasa untuk melantik lebih ramai Timbalan Pegawai Pilihanraya Negeri daripada—sebagaimana sekarang—hanya satu bagi tiap-tiap satu Negeri. *Fasal 3* bertujuan menggantikan seksyen 3 Akta bagi maksud-maksud itu.

3. *Fasal 4* bertujuan memasukkan seksyen baru 3A yang menentukan kuasa-kuasa dan tugas-tugas am Setiausaha, Timbalan Setiausaha dan Penolong-Penolong Setiausaha.

4. Seksyen-kecil (1), (2) dan (3) yang ada sekarang dalam seksyen 4 Akta, yang menentukan kuasa-kuasa dan tugas-tugas berbagai pegawai pilihanraya, menyatakan bahawa kuasa-kuasa dan tugas-tugas mereka adalah tertakluk kepada “arahan dan kawalan am” pihak-pihak berkuasa atasan mereka masing-masing. *Fasal 5 (a)* bertujuan memotong perkataan “am” supaya memperluaskan kuasa pihak-pihak berkuasa itu untuk memberi arahan dan menjalankan kawalan. *Fasal 5 (b)* bertujuan memasukkan seksyen-kecil baru (2A) bagi seksyen 4 Akta untuk menekankan, berasaskan pada perenggan (a) dan (b) seksyen kecil (1) seksyen 5 Akta, bahawa pegawai pengurus adalah tertakluk kepada kawalan, penyeliaan dan arahan Suruhanjaya Pilihanraya.

5. Perenggan (a) seksyen-kecil (1) seksyen 5 Akta menyatakan, antara lainnya, bahawa Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah menjalankan “kawalan dan penyeliaan am ke atas perjalanan pentadbiran” pilihanraya dan pendaftaran pemilih-pemilih. *Fasal 6 (a)* bertujuan memotong perkataan-perkataan “am” dan “pentadbiran” supaya memperluaskan kuasa-kuasa Suruhanjaya Pilihanraya.

6. Menurut seksyen-kecil (1) seksyen 8 Akta, timbalan pegawai pendaftar hanya boleh dilantik bagi sesuatu bahagian pilihanraya di Sabah dan Sarawak. *Fasal 7 (a)* bertujuan meminda seksyen-kecil itu supaya, jika perlu, timbalan pegawai pendaftar boleh dilantik bagi mana-mana bahagian pilihanraya dalam mana-mana Negeri. Menurut seksyen-kecil (2) seksyen 8, fungsi Ketua Pegawai Pendaftar ialah menjalankan “arahan dan penyeliaan am” ke atas segala perkara berhubungan dengan pendaftaran pemilih. *Fasal 7 (b)* bertujuan mengubah “arahan dan penyeliaan am” menjadi “kawalan dan penyeliaan” supaya memperluaskan fungsi Ketua Pegawai Pendaftar. Menurut seksyen-kecil (3) dan (4) seksyen 8, Timbalan Ketua Pegawai Pendaftar dan timbalan pegawai pendaftar adalah masing-masingnya tertakluk kepada “arahan dan penyeliaan am” Ketua Pegawai Pendaftar dan pegawai pendaftar. *Fasal 7 (c)* bertujuan memotong perkataan “am” supaya mem-

perluaskan kuasa mereka memberi arahan dan membuat penyelidikan. *Fasal 7 (d)* bertujuan memasukkan seksyen-kecil baru (3A) bagi seksyen 8 Akta untuk menekankan, berasaskan pada perenggan (a) dan (b) seksyen-kecil (1) seksyen 5 Akta, bahawa pegawai pendaftar adalah tertakluk kepada kawalan, penyeliaan dan arahan Suruhanjaya Pilihanraya.

7. Pindaan kepada seksyen-kecil (2) seksyen 12 Akta (*fasal 8 (a)*) ialah untuk menghendaki supaya sesuatu writ pilihanraya dikembalikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya dengan cara yang ditetapkan. Seksyen-kecil (3) seksyen 12 dipinda (*fasal 8 (b)*) untuk menjelaskan, sejajar dengan Perkara 54 Perlembagaan, bahawa Suruhanjayalah yang mengesahkan berlakunya sesuatu kekosongan yang akan dipenuhi dalam sesuatu pilihanraya kecil.

8. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 14 Akta untuk membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menggunakan dengan percuma sebagai tempat mengundi mana-mana bangunan atau premis awam. Pada masa ini, di bawah seksyen 14, hanya sekolah-sekolah Kerajaan sahaja yang Suruhanjaya boleh menggunakan sedemikian.

9. Di bawah perenggan (f) seksyen-kecil (2) seksyen 15 Akta, Suruhanjaya Pilihanraya diberi kuasa membuat peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan bagi pembayaran pampasan, tidak melebihi \$50, kepada seseorang yang terkilan terhadap sesuatu bantahan yang dibuat dengan tiada sebab yang berpatutan terhadap kemasukan namanya dalam mana-mana daftar pemilih. *Fasal 10* bertujuan meningkatkan jumlah pampasan yang boleh ditetapkan itu kepada \$200.

10. Di bawah perenggan (d) seksyen-kecil (2) seksyen 16 Akta, Suruhanjaya Pilihanraya diberi kuasa membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan jumlah deposit yang akan dibayar oleh atau bagi pihak calon-calon, yang mana tidak boleh melebihi \$1,000. *Fasal 11 (a)* bertujuan meningkatkan jumlah yang boleh ditetapkan itu kepada \$5,000.

11. *Fasal 11 (b)* bertujuan memasukkan seksyen-kecil baru (3) bagi seksyen 16 Akta yang akan membolehkan Pegawai-Pegawai Pilihanraya Negeri dan pegawai-pegawai pengurus mengambil dan menerima akuan-akuan berkanun berkaitan dengan atau bagi maksud penamaan calon.

12. Pindaan-pindaan lain adalah pindaan berbangkit atau pindaan kecil.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1335.]